



JUARA NASYID .... Yussof (lapan dari kanan) dan Dr Shariff (enam dari kanan) bersama Kumpulan Nahwan Nur dari UPM yang menjuarai Festival Nasyid IPTA 2012 di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

# UPM juara nasyid IPTA UMS-KAL 2012

KST 12.04.2012 18

OLEH JAINUDIN DJIMIN  
[jainuddin@newsabah-times.com.my](mailto:jainuddin@newsabah-times.com.my)

KUMPULAN nasyid Nahwan Nur yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara Festival Nasyid Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2012 anjuran Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang diadakan di Dewan Utama, UMS-KAL, malam Ahad lalu.

Kumpulan itu yang mempersembahkan dua buah lagu 'Cemerlang Akhlak Sahsiah Terpuji' dan 'Sampai Bila' membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 dan piala iringan.

Nahwan Nur turut meraih hadiah kategori Lagu dan Lirik Terbaik.

Tempat kedua disandang Kumpulan Intracksee yang mewakili Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selepas menyampaikan dua lagu 'Seiring Melangkah' dan 'Seperti Inikah Dunia' untuk memenangi RM2,000 dan piala iringan. Kumpulan ini juga turut memenangi hadiah persembahan terbaik.

Hadiat tempat ketiga yang bernilai RM1,500 dan piala iringan dimenangi Kumpulan Fawzan dari Universiti Malaya (UM) yang menyanyikan lagu 'Gemilang' dan 'Seru' yang turut menyaksikan penyanyi solonya Nuzul Muslim Ahmad Sanusi di nobatkan sebagai penyanyi solo terbaik.

Turut menyertai festival yang julu-julu kalinya diadakan itu ialah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kota

Kinabalu dan tuan rumah, UMS-KAL.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yussof Mahal.

Hadir sama isteri Yussof, Datin Isfahani Ishak, Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang, Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Mattersah dan Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Norhanizah Adnan.

Turut hadir Penyelaras Program, Nurhamiza Mumin dan Pengarah Festival Nasyid IPTA 2012, Sofian Rosman.

Pada majlis itu, Yussof menyampaikan sumbangan RM5,000 kepada Sofian yang mewakili Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang menganjurkan Festival Nasyid IPTA 2012 yang berlangsung pada 6 dan 7 April lalu.